

# Vaksin pilihan juga penting

Metro 23/12/12  
MS 15.


>>Oleh **DATUK DR ZULKIFLI ISMAIL**

(Pakar Perunding Pediatrik & Kardiologi Pediatrik Hospital Pakar KPJ Selangor)

kenalkan jadual immunisasi atau pelalian sejak 1950-an, dengan mewajibkan vaksin tertentu mencegah penyakit utama menyerang kanak-ka-



**VAKSIN AWAL...**  
mencegah  
adalah lebih  
baik daripada  
merawat.



Vaksin pilihan selamat serta berkesan bagi menjauhi penderitaan yang boleh dielak dan risiko komplikasi daripada penyakit”

> Datuk Dr Zulkifli Ismail  
Pakar Perunding Pediatrik & Kardiologi Pediatrik  
Hospital Pakar KPJ Selangor

**V**AKSINASI memainkan peranan penting dalam kesihatan dan perkembangan bayi serta kanak-kanak kecil seluruh dunia. Meskipun badan si manja anda dapat mengeluarkan sel dan antibodi yang berupaya menentang virus dan bakteria, tanpa bantuan vaksin, ia tidak dapat melindungi diri sendiri daripada jenis patogen tertentu.

Antaranya hepatitis, batuk kokol, tetanus (kancing gigi), meningitis, dan juga campak dan cacar air. Vaksin diperbuat daripada sejumlah kecil virus, bakteria atau sebahagian daripadanya yang dibunuh atau dilemahkan.

Ia mencegah penyakit, kehilangan upaya dan juga kematian dengan merangsang sistem imun si manja anda apabila ia dimasukkan ke dalam badannya.

Vaksin wajib Kementerian Kesihatan (KKM) memper-

Vaksin wajib ini diberikan secara percuma oleh kerajaan, manakala vaksin pilihan pula boleh didapati di hospital dan klinik swasta di seluruh Malaysia.

Ramai ibu bapa tidak pasti sama ada vaksin pilihan ini diperlukan, memandangkan vaksin awal zaman kanak-kanak sudah diberi.

Bagaimanapun, vaksin pilihan sama penting dan dilaporkan selamat serta berkesan bagi mengelakkan penderitaan yang tidak perlu dan risiko komplikasi daripada penyakit yang nampak tidak mengancam nyawa.

Sebagai contoh, pneumokokus boleh mengakibatkan meningitis, iaitu radang selaput otak dan saraf tunjang. Dalam senario kes teruk, meningitis boleh menyebabkan kerosakan otak atau kematian di kalangan bayi dan kanak-kanak berusia bawah dua tahun.

## VAKSIN WAJIB

Penyakit	Vaksin	Usia
Tuberkulosis atau batuk kering (TB) – jangkitan dan membawa maut, boleh mengakibatkan kerosakan paru-paru, radang selaput otak atau penyakit tulang.	Vaksin BCG	Semasa lahir Umur 7 tahun jika tiada parut BCG
Hepatitis B – jangkitan virus yang boleh menyebabkan kanser hati.	Siri 3 suntikan vaksin Hepatitis B	Semasa lahir; usia 1 & 5 bulan
Difteria – menyebabkan sekatan saluran udara dan boleh menyebabkan kerosakan jantung dan otak.	Vaksin DTP	Usia 2, 3 & 5 bulan; suntikan penggalak pertama pada usia 18 bulan; penggalak ke-2 pada usia 6-7 tahun
Pertusis (batuk kokol) – batuk teruk, berpanjangan yang boleh menyebabkan jangkitan paru-paru dan otak.		
Tetanus (kancing gigi) – kekejangan otot teruk yang boleh membawa maut.		
Poliomielitis (Polio) – kelemahan otot kekal; yang boleh menyebabkan lumpuh, terutama sekali kaki.	Vaksin polio – diberi melalui mulut atau diambil bersama DTP	
Campak – sangat mudah berjangkit, ditandakan oleh demam, batuk, hidung berair dan ruam.	Vaksin MMR	Pada usia 12-15 bulan; 7 tahun
Beguk – sangat mudah berjangkit, menyebabkan bengkak kelenjar belakang rahang.		
Rubela (campak Jerman) – boleh diturunkan daripada wanita hamil kepada bayi mereka.		
Hemofilus influenzae B (Hib) – keradangan membran selaput otak dan saraf tunjang (meningitis), pneumonia, bronkitis, bakteremia, jangkitan telinga, dan epiglottitis.	Vaksin Hib	Pada usia 2, 3 & 5 bulan; diberikan dengan DTP

## VAKSIN PILIHAN

Vaksin pilihan	Melindungi daripada...	Disebabkan oleh	Bilangan suntikan	Bila untuk diberikan
Varisela	Cacar air	Virus Varisela	2 dos	Selepas 1 tahun
Vaksin Pneumokokal	Penyakit pneumokokal invasif	<i>Streptococcus pneumoniae</i>	1-4 bergantung pada usia	Selepas 2 bulan dan sehingga 9 tahun
<i>Meningokokus A, C, Y, W-135</i>	Meningitis	<i>Neisseria meningitidis</i>	Setiap 3-5 tahun	Selepas usia 2 tahun
Taun	Taun	<i>Vibrio cholerae</i>	2-3 dos melalui mulut	Dari 2 tahun
Demam kepialu	Demam kepialu	<i>Salmonella typhi</i>	Setiap 3 tahun	2 tahun ke atas
Hepatitis A	Hepatitis A	Hepatitis A virus	Dua	2 tahun ke atas
Influenza	Influenza	Virus Influenza	Setiap tahun	6 bulan ke atas
Rotavirus	Gastroenteritis disebabkan rotavirus	Rotavirus	2-3 dos	Dari 6 minggu
Ensefalitis Jepun	Ensefalitis Jepun	Flavivirus yang dibawa oleh nyamuk culex	2-3 dos	Selepas 18 bulan, 3 dos



**SENGSARA...** demam kepialu masih mengancam kanak-kanak di sesetengah negara kurang maju.